UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah

# Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM di hatiku BULLETIN



# EDITORIAL BOARD

## MEET THE TEAM


**PROFESSOR DR. FIRDAUS ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR ABDULLAH**
Advisor



**MS. SITI FARIDAH KAMARUDDIN**
Chief Editor

**MS. STEFANIE NATASHA RICH JOSEPH**

**MS. FAKHIRA JAFRI**

**MS. CINDY ROBERT**

**MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI**

**MS. SHIRLEY CLARE JERI**

Editors





**MR. MUHAMMAD ANAS ABDUL RAZAK**
Records & Archives

**MRS. IRENE SELUROH**
Layout & Design

**MR. SHILEYIUSKEN MIJEN**
Webmaster

**MR. ANAS ASRAWY PENDAPAT**
Photographer





**MR. ERICKSON GRAVESENT MUZIDI**

Internship Trainee



Published by:

**Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus**

eISNN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

# NEWS AND ARTICLES

## Penasihat Akademik *Bonding Day*: Medium Pengukuhan Hubungan Akademik dan Sosial

Penulis: Azlan Yusof Punding, Sharon Lies Edwin, dan Fatiha Najiha Mohamad



Penasihat Akademik bersama para pelajar

Mukah, 10 Mei 2026 – Seramai 25 orang mahasiswa dan mahasiswi telah menyertai Program Penasihat Akademik *Bonding Day* yang dianjurkan bagi mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah penasihat akademik dalam suasana yang lebih santai dan harmoni. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan akademik serta membina semangat kebersamaan dalam kalangan mahasiswa.

Program yang berlangsung dengan penuh meriah ini telah menyediakan pelbagai aktiviti interaktif dan santai yang mampu memupuk semangat kerjasama, komunikasi serta nilai kekitaan dalam kalangan peserta. Selain itu, program ini turut menjadi platform kepada para pelajar untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan penasihat akademik dalam membincangkan hal berkaitan pembelajaran, pembangunan diri dan cabaran sepanjang kehidupan kampus.

Menurut Ketua Projek program, Sharon Lies, program seumpama ini penting dalam membantu mahasiswa membina hubungan yang baik dengan pensyarah di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih positif dan kondusif. Aktiviti yang dijalankan juga mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar serta menggalakkan budaya saling menyokong antara rakan sebaya.



Aktiviti Sukaneka Bersama Kumpulan

Program ini diharapkan dapat menjadi medium berterusan dalam memperkukuh jaringan akademik dan sosial antara mahasiswa dengan pensyarah. Usaha ini sekaligus dapat melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah memiliki sahsiah diri yang positif serta semangat perpaduan yang tinggi.

Published by:

**Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus**

eISNN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

Telephone/Fax
**084-876100/084-876300**

Email Address
**korporat_swk@uitm.edu.my**

Website
**https://sarawak.uitm.edu.my/**

Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
**Cawangan Sarawak Kampus Mukah,**
**KM 7.5 Jalan Oya,**
**96400 Mukah, Sarawak.**





